

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: HARIAN METRO	MUKA SURAT	: 41
TARIKH	: 7/10/2019		
JABATAN	: JPSM		
KLASIFIKASI	: MAKLUMAN		

Oleh Mohd Sabran Md Sani  
Sanisab@metro.com.my

Bagi meneruskan agenda menghidupkan kampus, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengambil inisiatif melaksanakan Program Mytree Evolution dan Tree Planting yang dianjurkan di universiti itu, baru-baru ini.

Program dianjurkan sempena Minggu Mesra Mahasiswa UTM 2019 dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bertemakan Pokok Siswa dan Aspirasi.

Naib Canselor UTM, Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar berkata, inisiatif UTM melaksanakan program itu bagi menyokong usaha yang dilakukan JPSM dalam melestarikan alam sekitar.

"Sebanyak 3,780 anak pokok akan ditanam dalam kawasan UTM secara berperingkat dalam setahun dengan konsep sebatang pokok bagi seorang pelajar."

"Teknologi kod QR akan digunakan bagi membantu melancarkan proses penanaman pokok ini oleh penuntut yang dipertanggungjawabkan," katanya pada sidang media selepas pelancaran kempen itu.

Program pelancaran disempurnakan Pengarah Perhutanan Negeri Johor, Datuk Jeffri Abd Rashid Hadir sama. Pengarah

# HIJAUKAN KAMPUS

## 3,780 anak pokok ditanam pada program bertemakan Pokok Siswa dan Aspirasi

Pelestarian Kampus UTM, Prof Ir Dr Mohd Fadhil Md Din.

Dr Wahid berkata, pelaksanaan program itu akan menambatkan kehijauan kampus dan ia kesinambungan usaha universiti memelihara persekitaran kampus yang lebih lestari.

"Kita tidak saja menanam pokok, tetapi turut memantau pembesaran. Sebagai contoh, pokok damar ini mempunyai pembesaran 0.62 sentimeter setiap tahun."

"Kita boleh pantau pokok

WAHID (depan kanan) di sisi pokok yang ditanam.



PENUNTUT menanam pokok sebagai tanda ingatan kepada kampus.



PENUNTUT gembira sebaik berjaya menanam pokok.

mengikuti maklumat yang ada terutama peletakan kod QR pada setiap pokok ditanam itu," katanya.

Katanya, projek berkenaan adalah tanda ingatan pelajar kepada kampus itu melalui pokok yang ditanam.

"Saya yakin selepas tamat pengajian, mereka ada sesuatu untuk diingat dan pokok yang ditanam ini menjadi tanda ingatan ketika menuntut di kampus ini."

"Ia menjadi nostalgia, tidak akan dilupakan biarpun sudah menamatkan pengajian kelak," katanya.

Katanya, semua pokok hutan itu akan kekal 'perpehara di dalam kampus dan dijamin selamat.

"Dalam 20 hingga 30 tahun akan datang, anak dan cucu dapat menikmati hasil melalui usaha menanam pokok yang dilakukan hari ini," katanya.

Paling penting, bagaimana universiti melahirkan pelajar cemerlang di bilik kuliah, tetapi juga di luar kuliah.

"Tugas kami tidak sekadar dalam kelas. Kami juga memberi ketahanan mengenai peranan dalam melestarikan alam dan menambah baik ekosistem sedia ada."

"Ini semua sebahagian daripada proses pembelajaran di dalam kampus," katanya.